

25 JAN 1999

Sabah-pilihan raya (Fokus Berita)

SATU LAGI PILIHAN RAYA MENARIK DI SABAH

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 25 Jan (Bernama) -- Pertimbangkan fakta ini: Sabah telah mempunyai lima ketua menteri dalam tempoh lima tahun, malahan mengalahkan Jepun, yang lazimnya menukar perdana menterinya hampir setiap dua tahun.

Demam pilihan raya sekali lagi mencengkam negeri "menakjubkan" dalam politik Malaysia ini dan dengan parti-parti telahpun mengatur barisan "peperangan" mereka, pentas telah disediakan untuk satu lagi pilihan raya negeri yang menarik.

Kerajaan negeri dijangka akan dibubarkan bila-bila masa saja sekarang dan ini telah dikuatkan lagi dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan membuat lawatan "penting" selama tiga hari ke sini mulai 28 Jan (Khamis) ini.

Buat permulaan, terdapat peningkatan mendadak bilangan pengundi yang berdaftar di negeri ini untuk pilihan raya kali ini, daripada 598,312 pada pilihan raya 1994 kepada 727,137, menimbulkan persoalan daripada pemimpin pembangkang mengenai "pertambahan terkejut" populasi dewasa di negeri ini.

Sebenarnya, tidak ada saat-saat yang membosankan bagi politik Sabah sejak pilihan raya negeri yang lepas pada 18 dan 19 Feb 1994, yang menyaksikan pelantikan lima Ketua Menteri -- Datuk Joseph Pairin Kitingan, Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun), Datuk Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee dan sekarang Tan Sri Bernard Dompok.

Pairin, presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), menjadi ketua menteri selepas PBS memenangi pilihan raya yang lepas dengan 25 kerusi berbanding Barisan Nasional (BN) yang memperolehi 23 kerusi.

Bagaimanapun, Pairin terpaksa meletak jawatan sebulan kemudian apabila partinya kehilangan majoriti dalam Dewan Undangan Negeri disebabkan kebanyakan anggota Dewan Negerinya melompat ke BN, lantas memberi laluan kepada penubuhan kerajaan BN pada 17 Mac tahun yang sama.

Penubuhan kerajaan BN juga menandakan bermulanya pelaksanaan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri setiap dua tahun di kalangan tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam, satu ciri yang unik dalam politik Malaysia.

Sakaran dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru dalam kerajaan BN, mewakili masyarakat Bumiputera Islam. Sembilan bulan kemudian Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri dan jawatan Ketua Menteri diambil alih oleh Datuk Salleh Said Keruak.

Pada bulan Mei 1996 senario politik Sabah menyaksikan fasa pertama pelaksanaan sistem penggiliran itu apabila Datuk Yong Teck Lee, mewakili masyarakat Cina, dilantik sebagai Ketua Menteri.

Tetapi pemindahan kuasa daripada Salleh kepada Yong bukan sesuatu yang lancar kerana dibantah oleh sesetengah pihak yang tidak bersetuju dengan sistem (penggiliran) itu, tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetap dengan janjinya, "janji tetap janji", dan ia perlu dikotakan.

Pada bulan Mei tahun lepas, Dompok, presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) yang mewakili masyarakat Kadazandusun, menggantikan Yong, lantas menamatkan spekulasi berminggu-minggu mengenai siapa yang akan dilantik ke jawatan itu -- Dompok atau Datuk Joseph Kurup, seorang lagi pemimpin kanan Kadazandusun dalam kerajaan BN.

Ramai yang mengkritik sistem yang unik itu, satu janji yang dibuat oleh Dr Mahathir sebelum pilihan raya negeri 1994.

BN menyingga mempertahankan sistem itu, dengan berkata ia mewujudkan kestabilan dan budaya percaya-mempercayai antara berbagai kaum di Sabah.

Tetapi PBS, dan kemudiannya Parti Bersekutu, menyifatkan sistem itu sebagai tidak praktikal dan mahu menghapuskannya sekiranya mereka memenangi pilihanraya kali ini.

"Sistem itu gagal untuk berfungsi sebagaimana yang diharapkan," kata bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh, yang sekarang mengetuai Parti Bersekutu.

PBS mendakwa sistem itu tidak mengikut perlembagaan kerana membolehkan pelantikan sebagai ketua menteri di kalangan pemimpin yang tidak semestinya daripada sebuah parti yang mempunyai majoriti dalam Dewan Undangan Negeri.

Tetapi BN menolak dakwaan ini, dengan berkata para pemimpinnya yang telah dilantik sebagai ketua menteri datangnya daripada campuran yang mempunyai majoriti dalam Dewan Undangan Negeri.

Di sebaliknya, tidak melaksanakan sistem penggiliran mungkin juga akan menimbulkan masalah politik yang lain, terutamanya apabila parti-parti pembangkang menimbulkan isu-isu berhubung dengan janji yang dibuat oleh BN kepada rakyat Sabah, kata beberapa orang pemimpin BN.

"Walaupun BN telah membuat dan mengkotakan banyak janjinya yang lain seperti penubuhan sebuah universiti, politeknik, membina jalan, sekolah dan hospital, yang paling diingati oleh rakyat ialah sistem penggiliran itu," kata Yong, presiden SAPP, yang sekarang menjadi Menteri di Jabatan Ketua Menteri.

Setakat ini, BN dipercayai telah memuktamadkan senarai calonnya dengan beberapa muka baru, terutamanya dari Umno.

PBS, yang masih merawati luka disebabkan anggota Dewan Negerinya yang melompat ke BN secara beramai-ramai yang menyebabkan kejatuhannya selepas pilihan raya 1994, juga sedang menetapkan calon-calonnya "yang sudah tentu kesetiaan mereka kepada parti" manakala Parti Bersekutu dilaporkan sudahpun menetapkan calonnya untuk lebih daripada 30 daripada 40 kawasan yang mahu ditandinginya.

Ketika kekuatan PBS nampaknya kekal ketara, para penganalisis politik berkata BN nampaknya "favourite" untuk menang pilihan raya kali ini untuk membawa Sabah masuk ke alaf baru.

Mereka berpendapat Sabah telah menyaksikan lebih banyak situasi stabil sejak BN mengambil alih kerajaan dan ini adalah petanda baik untuk kerajaan campuran yang memerintah itu.

Para penganalisis itu berkata satu lagi faktor yang memihak kepada BN ialah sempadan kawasan pilihan raya, dengan bilangan kawasan yang didominasi oleh Bumiputera bukan Islam dikurangkan kepada hanya 12 kerusi sekarang berbanding dengan 23 kerusi dalam peta pilihan raya yang lama.

PBS memenangi kesemua 23 kerusi Bumiputera bukan Islam dan dua kerusi dominasi Islam pada pilihan raya yang lepas.

Terdapat 24 kawasan dominasi Islam dalam persempadanan baru daripada 17 pada tahun 1994. Juga terdapat empat kawasan dominasi Cina dan lapan kawasan campuran pada persempadanan baru ini berbanding dengan masing-masing lima dan tiga pada persempadanan lama.

"BN akan memenangi pilihan raya ini," kata Dompok yang juga pengerusi BN Sabah dengan penuh yakin.

Rancangan PBS untuk menjatuhkan BN sedia dimaklumkan tetapi kesediaan parti itu untuk bekerjasama dengan BN sekiranya ia gagal untuk menang, menambahkan drama kepada suasana politik negeri yang sedang menghangat.

Parti Bersekutu pula dengan penuh yakin mengumumkan rancangan pembangunannya yang "ambitious", seolah-olah ia pasti akan menang.

Penggal Dewan Undangan Negeri 48 anggota sekarang akan tamat pada 18 Mac ini.

Daripada 48 kerusi itu, BN sekarang memegang 43 manakala PBS empat dan satu Bebas.

Dari 43 kerusi BN itu, Umno pegang 21, PDS (11), lima SAPP, tiga Akar, dua Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dan satu MCA. BN dan PBS masing-masing juga mempunyai 3 anggota dewan yang dilantik.

Walau apapun, pilihan raya Sabah yang terakhir bagi abad ini mungkin akan menjadi sesuatu yang sukar dilupai dalam sejarahnya.

-- BERNAMA

JS AU WAT